

# Peniaga wanita kuasai Pasar Siti Khadijah

Berita HARIAN (11/11/2022)

Keunikan jadi MIS  
antara tarikan 23  
pelancongan  
ke Kelantan

Oleh Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Pasar Siti Khadijah adalah antara satu lokasi tumpuan pelancong di Kelantan yang memiliki keunikan tersendiri kerana majoriti peniaga adalah wanita daripada pelbagai peringkat umur.

Bermula dengan penjual sayur, makanan atau kuih-muih, pengusaha kedai emas sehingga pemotong ayam segar semuanya di-monopoli golongan ibu, sekali gus menjadi tarikan di pasar berkenaan.

Malah, hampir 95 peratus perniagaan di Pasar Siti Khadijah diusahakan peniaga wanita, manakala selebihnya lelaki yang biasanya menjual barangan basah seperti ikan dan daging.

Situasi di Pasar Siti Khadijah membuktikan 'tangan yang menghayun buaian dapat menggoncang dunia' kerana wanita di

Kota Bharu juga berpengaruh dalam membantu ekonomi dan pembangunan negara.

## Kerajaan tak sekat

Pada masa sama, kerajaan negeri tidak pernah menyekat penyertaan wanita untuk berniaga di pasar berkenaan, sebaliknya sentiasa mempromosikan pasar berkenaan.

Peniaga, Rozana Ibrahim, 65, berkata sudah lebih 35 tahun berniaga di pasar terbabit dan mengakui, pasar itu 'dimeriahkan' dengan peniaga wanita sejak awal penubuhannya lagi.

"Ia seperti budaya di pasar ini apabila hampir semua pemilik premis adalah wanita.

"Peniaga lelaki sebahagian kecil sahaja sama ada sebagai pembantu atau mengangkat barangan yang dijual.

"Saya antara peniaga paling lama di sini yang melihat satu demi satu perubahan Pasar Siti Khadijah, dari segi kemajuan. Pengurusan juga lebih tersusun, sekali gus menjadikan perniagaan lebih sistematik.

"Orang luar boleh melihat semangat luar biasa wanita yang selama ini dianggap sebagai lemah," katanya di Pasar Siti Khadijah, di sini, semalam.

Rozana yang tinggal di Kam-



Bermula dengan peniaga sayur, makanan, pengusaha kedai emas sehingga pemotong ayam segar semuanya di-monopoli peniaga wanita di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Kebanyakan peniaga wanita Pasar Siti Khadijah teruskan usaha keluarga.

pung Banggol, di sini, berkata hasil berniaga di Pasar Siti Khadijah, dia mampu membesarkan 11 anak sehingga berjaya menjejakkan kaki ke menara gading.

Bagi Nurul Amani Ishak, 28, yang menyambung legasi perniagaan arwah ibu mentuanya sebagai penjual sayur di Pasar Siti Khadijah adalah sesuatu yang membanggakan dirinya.

Katanya, sejak berusia 18 tahun, dia mula membantu dengan menjual sayur dan 'jatuh cinta' dengan pekerjaan itu yang diakui boleh memberi pendapatan untuk menampung kehidupan seharian dia keluarga.

"Kebanyakan peniaga di sini adalah wanita berdikari yang mahu mencari wang sendiri selain memang berasal daripada keluarga peniaga.

"Ada peniaga isteri kepada penjawat kerajaan atau bidang profesional lain, tetapi tetap memilih untuk berniaga kerana sudah sebatik dalam kehidupan," katanya.